

**Kumpulan RHB Lantik Mohd Rashid Sebagai Ketua Perbendaharaan
Bernama
4 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama)-- RHB Banking Group melantik Mohd Rashid Mohamad sebagai Ketua Perbendaharaan Kumpulan itu.

Dalam satu kenyataan Selasa, bank itu berkata Mohd Rashid akan memantau keseluruhan operasi perbendaharaan kumpulan, pengurusan kecairan, pelaburan pendapatan tetap, jualan dan dagangan merentas semua produk aset.

Perbendaharaan Kumpulan ialah unit perniagaan utama dan Mohd Rashid dijangka meningkatkan kedudukan itu di rantau ini, tempat Kumpulan Perbankan RHB beroperasi, katanya.

Mohd Rashid memiliki 20 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan dengan memegang jawatan kanan dalam institusi kewangan utama tempatan.

Dalam jawatan beliau sebelum ini, Mohd Rashid memacu pasukan dagangan dan jualan, tukaran asing dan dagangan derivatif memenangi anugerah FX Bank Korporat dan Institusi Terbaik oleh majalah Alpha SEA, dua tahun berturut-turut.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dengan Cemerlang dari University of Wales, Cardiff, United Kingdom.

Mohd Rashid juga ialah ahli Institut Akauntan Malaysia dan Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019291>